

# Fenomena *troll* Najib manifestasi kemarahan rakyat

UM-23/1/2019  
m/s: 6

**KUALA LUMPUR 22 Jan.** - Kejayaan *troll* bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam media sosial merupakan manifestasi kepada kemarahan rakyat terhadap kegagalan kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Pensyarah Kanan Bahagian Politik dan Polisi Awam Sekolah Perdana, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr. Mazlan Ali** mendakwa kerajaan PH kini lambat bertindak terutama melibatkan isu-isu orang Melayu dan perkara ini menyebabkan mereka bertindak meluahkan rasa marah dengan menyokong segala *troll* Najib.

"Kelebihan Najib adalah beliau sentiasa nampak tenang walaupun sebelum ini beliau berdepan dengan pelbagai tekanan dan kecaman. Perubahan trend semasa memperlihatkan rakyat kembali menyokong beliau ada kaitan dengan usaha



**MAZLAN ALI**



**SYED AGIL ALSAGOFF**

yang telah dilakukan terutama dalam segmen membela rakyat.

"Saya merasakan populariti Najib naik dalam kalangan orang Melayu sahaja kerana orang Cina dan India melihat kerajaan PH masih realistik kerana ketika ini banyak perkara yang dilakukan memihak kepada mereka," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia (UPM), **Syed Agil Syed Alsagoff** melihat *troll* Najib perkara biasa dalam politik supaya wujud situasi semak imbang antara kerajaan dan pembangkang.

Katanya, *troll* Najib walaupun bermaklumat dan fakta kuat namun tidak boleh dijadikan sebagai petunjuk bahawa rakyat sudah kembali menyokong beliau atau BN.

"*Troll* ini boleh diumpamakan sebagai kritikan membina daripada Najib, dalam hal ini kerajaan tidak sepatutnya cepat melenting dan perlu mengambil positif atas apa yang diperkatakan. Budaya seperti ini bukan suatu fenomena tetapi sebaliknya sudah menjadi amalan biasa di negara-negara barat seperti di England," katanya.